

PAS Johor kurangkan kerusi ditandinginya
MalaysiaKini.com
Disember 28,2011

PAS Johor memutuskan untuk mengurangkan bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen yang akan ditandinginya dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Timbalan persurujhaya PAS Johor, Dzulkefly Ahmad berkata, mereka "menyerahkan" lebih kerusi yang pernah ditandingi dalam pilihan raya umum lalu kepada DAP dan PKR.

"Kesemua kerusi DUN dan Parlimen di Johor yang diserahkan PAS kepada DAP dan PKR itu merupakan kawasan campuran berdasarkan kedua-dua parti itu mempunyai kekuatan di kawasan terbabit," katanya kepada Bernama hari ini.

Katanya, PAS Johor membuat keputusan untuk bertanding di lapan kawasan Parlimen dan 28 kawasan DUN pada PRU13, berbanding sembilan Parlimen dan 33 DUN pada PRU 2008.

Menurut Dzulkefly, pada 2008 PAS Johor bertanding di banyak kawasan kerana menyedari PKR Johor pada ketika itu tidak mempunyai kekuatan dan disebabkan kerana enggan memberi kemenangan percuma kepada BN.

Dalam PRU 2008, PAS memenangi dua kerusi DUN di Johor, iaitu di Maharani dan Sungai Abong.

Mengenai peluang Pas Johor dalam PRU13, Dzulkefly meramalkan dengan suasana politik negara pada ketika ini yang memberi kelebihan kepada PR, ia mampu membuat kejutan dengan "memecah kubu BN" di Johor.

"Kita berkeyakinan jika 'gelanggang pertandingan adalah sama rata,' Pakatan Rakyat Johor mampu memenangi sekurang-kurangnya 29 kerusi DUN untuk memperolehi majoriti mudah bagi membentuk kerajaan negeri," katanya.

Johor yang merupakan kubu kuat BN yang mempunyai 26 kerusi Parlimen dan 56 kerusi DUN.

Dzulkefly berkata, senarai calon-calon PAS Johor yang akan bertanding dalam PRU13 telah pun siap, tetapi ia perlu diperakui oleh kepimpinan parti di peringkat pusat.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/185154>